

24 DEC 2001

MCA-Ong

NASIHAT PM KENA PADA MASANYA, KATA ONG

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Keat berkata nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir kepada pemimpin MCA agar menyetepikan perasaan masing-masing dan tidak terlalu bersikap keras antara satu sama lain, adalah sangat kena pada masanya.

Ong, yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan, berkata beliau secara ikhlas ingin melihat para pemimpin parti itu mengikuti nasihat Perdana Menteri.

"Saya telah memberi jaminan kepada Perdana Menteri bahawa saya akan mematuhi sebarang nasihat yang diberikan oleh beliau," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian sebagai respons kepada ulasan Dr Mahathir malam tadi setelah ditanya wartawan mengenai krisis dalaman MCA dan keputusan parti itu menggantung jawatankuasa pusat pergerakan Pemuda yang diketuai oleh Ong.

Dr Mahathir menarik perhatian bahawa kedua-dua pihak terbabit nampaknya tidak bersedia untuk bertolak ansur dan beliau berpendapat ada kalanya seseorang itu perlu menyetepikan perasaan sendiri.

Dr Mahathir, yang telah bertemu dengan Ong dan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mengenai perkara itu, berkata beliau sudah meminta kedua-dua pihak agar sedia bertolak ansur.

Ong berkata dengan pengalaman Perdana Menteri yang luas dalam bidang politik, nasihatnya sudah pasti akan menjadi panduan kepada anggota MCA dalam usaha mengatasi masalah dalam parti itu sekarang.

"Saya cuba menghubungi pejabat Perdana Menteri hari ini. Saya memang mengharapkan untuk menemui beliau selepas ini," katanya.

Ong berkata selain masalah Pemuda MCA, beliau juga akan berbincang dengan Dr Mahathir mengenai perkara yang berkaitan dengan belia Cina terutama beberapa program yang ditujukan kepada kumpulan itu.

"Saya tidak ingin melihat program seumpama itu tergendala semata-mata kerana penggantungan Pemuda. Saya pasti akan meneruskan kerja saya di samping tugas sebagai Naib Pengerusi Pemuda BN," katanya.

Mengenai persiapan MCA bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Perlis kawasan Indera Kayangan, Ong berkata beliau akan pergi ke Perlis dengan anggota parti itu dari negeri-negeri esok untuk membuat persiapan bagi kempen MCA di kawasan itu.

Mengenai kenyataan pihak pembangkang bahawa mereka akan menggunakan krisis MCA itu sebagai bahan untuk berkempen, Ong berkata itu menunjukkan bahawa pihak pembangkang sudah ketandusan isu.

-- BERNAMA

AT MFJ ABG NMO